

150 orang berkelayakan terima bantuan Pakej Makanan sempena Program Hospital UMS

NST 20.2.2019. 6

TAMBUNAN: Seramai 150 orang yang berkelayakan dan terpilih dalam golongan keluarga berpendapatan rendah (B40) terdiri daripada ibu bapa tunggal, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) dari sekitar daerah ini akan menerima bantuan Pakej Makanan sempena Program Hospital Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama komuniti yang akan diadakan pada 21 Februari ini di Pisompuruan Square, di sini.

Penolong Pegawai Daerah, Herry Awit menyatakan demikian semasa memengerusikan Mesyuarat Penyelaras program tersebut di Pejabat Daerah di sini baru-baru ini.

"Program tersebut yang juga merupakan anjuran bersama Hospital UMS, National Food Aid Foundation, Pejabat Daerah dan Pejabat Kesihatan daerah ini antara lainnya bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan dengan kepentingan penjagaan kesihatan dan perkongsian penjagaan kesihatan antara doktor HUMS dengan masyarakat," katanya.

Selain itu katanya, pelbagai aktiviti akan diadakan sepanjang program ini antaranya Pemeriksaan Kesihatan, Pameran Kesihatan, Kempen Derma Darah, Ceramah Kesihatan, Klinik Berhenti Merokok dan



HERRY (duduk dua kanan) bergambar bersama-sama dengan ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan kerajaan selepas mesyuarat itu. Turut kelihatan Hinmin (dua kiri) dan Elvina (kanan).

lain-lain lagi.

Herry yang mewakili Pegawai Daerah berkata, program yang akan dirasmikan oleh Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. D. Kamarudin D. Mudin sememangnya memberi manfaat yang berguna kerana para peserta akan didedahkan mengenai hal-ehwal kesihatan khususnya yang berkaitan dengan kehidupan seharian.

"Saya juga turut mengalu-alukan kehadiran masyarakat umum ke program ini kerana pengisian-pengisian aktiviti yang dilaksanakan sangat menarik yang sudah pastinya akan memberikan satu lagi per-

cambahan ilmu yang berguna.

"Ini kerana adanya perkhidmatan kesihatan yang diadakan secara langsung yang boleh membantu dan memberi bimbingan kepada orang ramai supaya sentiasa mengutamakan aspek kesihatan dalam kehidupan seharian," katanya.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut, Penolong Pendaftar Hospital UMS, Hinmin Chiam Tah Kong, Penolong Pegawai Pembangunan Daerah, Elvina Jane Justin, ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan kerajaan Persekutuan dan Negeri daerah Tambunan.
OLEH RIZALMI LIMAN